

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN
ISMAIL [PANDAN]**

TARIKH : 03 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Pandan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan pendirian Kementerian berhubung program i-Suri yang dilancarkan pada Ogos 2019, dan bilakah fasa kedua – sumbangan Kerajaan RM10 sebulan melalui caruman PERKESO kepada yang layak – dan fasa ketiga – sumbangan sukarela suami sebanyak 2% gaji ke akaun KWSP isteri – akan dilancarkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Program i-Suri Fasa 1 telah dilancarkan pada 8 Ogos 2018 dan mula berkuat kuasa serta dibuka untuk pendaftaran pada 15 Ogos 2018. Sehingga Disember 2019, sejumlah RM58,102,200 insentif daripada Kerajaan telah disalurkan kepada 125,658 pencarum KWSP di bawah program ini. Jumlah kumpulan sasaran yang layak memohon i-Suri adalah seramai 331,365 orang iaitu wanita yang merupakan Ketua Isi Rumah (KIR) dan isteri kepada KIR yang berdaftar dengan eKasih sehingga 30 November 2019. Kementerian ini berpandangan program ini wajar diteruskan bagi memberikan jaringan sosial asas bagi kumpulan masyarakat yang tidak dilindungi terutamanya suri rumah sekiranya berlaku perubahan mengejut dalam rumah tangga seperti kematian

suami, perceraian, keilangan, hilang upaya dan lain-lain. Konsep kebajikan yang diterapkan kepada masyarakat adalah kebajikan produktif di mana Kerajaan dan masyarakat bersama-sama berusaha ke arah kesejahteraan masa depan masing-masing.

Bagi pelaksanaan Fasa Kedua yang melibatkan sumbangan Kerajaan RM10 sebulan melalui caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) kepada yang layak, cadangan tersebut pada sebelum ini hendak direalisasikan menerusi pewujudan Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) yang akan ditadbir urus oleh PERKESO. Namun begitu, buat masa ini, pembangunan mekanisme SKSSR sedang diperhalusi oleh Kerajaan melalui pendekatan perundangan. Perincian mekanisme pelaksanaan sedang diperhalusi bagi membolehkan pelaksanaan skim ini dapat dilaksanakan dengan sebaiknya.

Rang Undang-Undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerjaan (Pindaan) 2019 telah diluluskan oleh Parlimen pada 18 Disember 2019 dan telah diwartakan pada 31 Disember 2019. Pindaan tersebut antara lain memperuntukkan kadar caruman yang akan dipindahkan iaitu sebanyak 2% daripada caruman ahli KWSP yang memilih untuk memindahkan carumannya kepada isteri atau isteri-isterinya. Pelaksanaan program i-Suri Fasa 3 yang melibatkan permohonan pindahan secara sukarela ini dilaksanakan sebagaimana perancangan asal iaitu pada Oktober 2020. Dijangkakan suami yang ingin menyertai skim ini boleh membuat permohonan di kaunter KWSP mulai 1 Oktober 2020.